

ESQ KE ARAH SYARIKAT PATUH SHARIAH ISO MS 1900:2005

ESQ Leadership Center Sdn Bhd adalah sebuah syarikat latihan pembinaan modal insan berteraskan kepimpinan yang bertujuan membangun nilai moral dan karakter manusia melalui penggabungan 3 potensi manusia iaitu kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual. Selama ini, ketiga potensi tersebut adalah terpisah dan tidak digunakan secara optimum untuk membangun modal insan manusia. Akibatnya, terjadi krisis moral dan *split personality* yang akhirnya mengakibatkan penurunan terhadap kualiti pekerjaan dan kehidupan manusia. Keadaan akan bertambah buruk lagi apabila manusia lebih cenderung ke arah kehilangan makna hidup dan jati dirinya yang sebenar. Justeru, ESQ Training menjawab segala persoalan tersebut apabila menggunakan kaedah kejuruteraan spiritual yang komprehensif dalam mengupas segala permasalahan yang berlaku. Melalui ESQ Training, ketiga potensi manusia dirungkai kembali sehingga melahirkan kecerdasan secara menyeluruh dan seterusnya meningkatkan produktiviti. Sekaligus melahirkan kehidupan yang penuh makna dan bahagia.

ESQ Training yang telah bermula pada tahun 2000 ditransformasikan daripada buku Best Seller, ESQ dan ESQ Power tulisan Dr. Ary Ginanjar Agustian (Tokoh Perubahan Republika 2005). Modal Latihan yang dikenali sebagai "The ESQ Way 165" ini telah dihadiri lebih 800 ribu peserta di seluruh dunia seperti Singapura, Brunei Darussalam, Australia, Belanda, Amerika Syarikat dan juga telah mula menebarkan sayapnya di bumi Madinah. Sehingga kini, seramai lebih 65 ribu peserta telah menyertai latihan ini di Malaysia. Setelah lebih 4 tahun beroperasi di Malaysia, ESQ LEADERSHIP CENTER SDN BHD telah mengorak langkah ke arah mencapai status syarikat patuh ke arah mencapai status

syarikat patuh Shariah di dalam Sistem Pengurusan Kualiti (ISO MS 1900:2005 SHARIAH COMPLIANCE QUALITY MANAGEMENT SYSTEM). Matlamat piawaian ISO MS 1900 ini adalah untuk memastikan syarikat ini diuruskan

selaras dengan penerimaan nilai universal seperti adil, amanah, ikhlas, benar, ketepatan masa dan disiplin, dan mengenalpasti aspek halal haram di dalam semua proses penyampaian perkhidmatan dan produk, disampaikan dan dilaksanakan secara berkesan oleh semua kakitangan syarikat. Piawaian ini mewajibkan pihak ESQ Leadership Centre Sdn Bhd untuk mengambil langkah menubuhkan Panel Shariah dan Akidah untuk menasihati, memantau dan menambahbaik modul latihan The ESQ Way 165. Panel Shariah dan Akidah terdiri daripada :

1. YBhg Dato' Hj Mustafa bin Abdul Rahman (Pengerusi)
2. YBhg Tan Sri Dato' Abdul Kader bin Talip
3. YBhg Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Hj Abd Halim
4. YBhg Dato' Hj Nooh bin Hj Gadot
5. YBhg Dr. Adnan bin Mohamed Yusoff

Pihak Panel Shariah dan Akidah juga bertanggungjawab untuk memastikan setiap bahan komunikasi keluaran ESQ menepati kehendak Shariah Islam dan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Panel Shariah dan Akidah juga memantau bahan-bahan latihan dan buku-buku ESQ agar selaras dengan ajaran dari Al-Quran dan As-Sunnah.

**Matlamat piawaian
ISO MS 1900 ini adalah untuk memastikan
syarikat ini diuruskan selaras dengan
penerimaan nilai universal seperti adil,
amanah, ikhlas, benar, ketepatan masa dan
disiplin, dan mengenalpasti aspek halal
haram di dalam semua
proses penyampaian
perkhidmatan dan produk**



Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh
Hasbullah bin Hj Abd Halim
(Mantan Mufti Kedah)

Tan Sri Dato'
Abdul Kader bin Talip
(Mantan Mufti W.Persekutuan)

Dato' Hj Mustafabin Abdul
Rahman
(Pengerusi Ahli Panel,
Mantan Ketua Pengarah JAKIM)

Dato' Hj Nooh bin Hj Gadot
(Mantan Mufti Johor)

Dr. Adnan
bin Mohamed Yusoff
(Dehan Fakulti Pengajian
Qur'an & Sunnah, USIM)